



POLITEKNIK SEBERANG PERAI
UNIT PEPERIKSAAN



LAPORAN LATIHAN SANGKUTAN KE INDUSTRI
PENSYARAH POLITEKNIK

HEITECH PADU BERHAD

HEITECH VILLAGE, PERSIARAN KEWAJIPAN,

USJ 1, UEP SUBANG JAYA, 47600

SUBANG JAYA, SELANGOR

Disediakan oleh :

NAMA : KHAIRUL AZHAR BIN ABD AZIZ

JABATAN : UNIT PEPERIKSAAN

TEMPOH LATIHAN : 14 APRIL 2009 HINGGA 13 JULAI 2009

**BUKU LAPORAN LATIHAN SANGKUTAN KE INDUSTRI
PENSYARAH POLITEKNIK**

OLEH

KHAIRUL AZHAR BIN ABD AZIZ

**Buku laporan ini dikemukakan kepada Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan
Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Sijil
Penyertaan Program Latihan Sangkutan Ke Industri Pensyarah-Pensyarah
Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.**

ISI KANDUNGAN

Kandungan

Muka surat

PENGHARGAAN

i

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pengenalan Organisasi Heitech Padu	2

BAB 2 LATAR BELAKANG ORGANISASI

2.0	Misi dan Visi	4
2.1	Struktur Kumpulan	4
2.2	Lembaga Pengarah	5
2.3	Kumpulan Pengurusan	7
2.4	Syarikat-Syarikat Kumpulan Heitech	8
2.5	Pengiktirafan	16
2.6	Pencapaian	17
2.7	Rangkaian Padu*Net	22
2.8	Kesimpulan	23

BAB 3 JAVA

3.0	Pengenalan java	25
3.1	Bahasa Pengaturcaraan Java	25
3.2	Java 2 Enterprise edition (J2EE)	29
3.3	java Server Pages (JSP)	30
3.4	Enjin Template java Servlet	33
3.5	MVC (model-View-Controller)	34

3.6	JDeveloper	36
3.7	Pengenalan Object Oriented Programming (OOP)	37

BAB 4 INTEGRATED IPT APPLICATION SYSTEM (POLYTRECHNIC) – IIAS-POLY

4.1	System Requirement Specifications (SRS)	44
4.2	Sample Interface	48
4.3	Entity Relationship Diagram Model (ERD)	53
4.4	Model-View-Controller (MVC)	54
4.5	Object Relational Mapping (ORM)	61

BAB 5 KESIMPULAN	66
-------------------------	-----------

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya menamatkan latihan sangkutan ke industri selama tiga bulan bermula 15 April 2009 hingga 13 Julai 2009 di Heitech Padu Sdn Bhd di Petaling Jaya.

Laporan ini disediakan khas untuk Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Sijil Penyertaan Program Sangkutan Ke Industri Pensyarah-Pensyarah Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Dikesempatan yang ada ini, saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada semua individu dan kakitangan yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya semasa menjalani latihan sangkutan ke industri selama tiga bulan di Heitech Padu dan dalam menyediakan serta menyiapkan laporan latihan sangkutan ke industri ini. Jasa, sumbangan, kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan oleh semua individu dan kakitangan yang terlibat amatlah dihargai. Sesungguhnya jasa kalian tidak terbalas.

Setinggi- tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Ketua Programmer iaitu Encik Kamal kerana memberi peluang yang berharga kepada saya untuk menjalani latihan sangkutan ke industri di sini dan tak lupa juga kepada Encik Megat, Encik Hamdan, Encik Syed dan rakan-rakan yang lain yang bertugas bersama di Heitech Padu kerana memberi tunjuk ajar dan keperihatinan yang di berikan dalam memperkenalkan teknologi Java serta teknik-teknik yang belum pernah saya jumpa.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program latihan sangkutan ke industri saya ini. Segala pengalaman dan kemahiran serta pengetahuan yang saya perolehi sepanjang menjalani latihan ini amatlah berharga bagi saya dalam proses meningkatkan tahap kecemerlangan saya.

Sekian, Terima Kasih.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Laporan 'Polytechnic Development Project Employer Study' oleh IDP Education Australia dan NCVER menyatakan kekurangan pengalaman industri di kalangan pensyarah-pensyarah politeknik telah memberi kesan terhadap kualiti lulusan politeknik. Justeru itu perunding tersebut telah mengesyorkan latihan dalam perkhidmatan di kalangan pensyarah-pensyarah politeknik adalah perlu, yang meliputi pendedahan industri. Berdasarkan kepada laporan tersebut, pensyarah-pensyarah politeknik perlu diberi peluang untuk mengikuti program latihan sangkutan di industri-industri yang bersesuaian dengan keperluan kursus politeknik.

Program latihan sangkutan ke industri bagi Pensyarah-pensyarah Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah bermula pada 1 September 1999 atas inisiatif Bahagian Latihan dan Kerjaya KPTM. Program ini bertujuan memberi pendedahan industri kepada para pensyarah politeknik menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman serta mengikuti perkembangan semasa teknologi terkini bersesuaian keperluan kursus-kursus di politeknik. Program ini diharapkan akan membantu memperbaiki sistem pengajaran dan pembelajaran di politeknik seterusnya meningkatkan kualiti lulusan politeknik.

1.2 Pengenalan Organisasi HeiTech Padu

HeiTech Padu Berhad, syarikat senaraian awam di papan utama Bursa Malaysia, merupakan peneraju penyelesaian ICT di Malaysia. Misi HeiTech yang bermatlamatkan Penyediaan Penyelesaian Secara Menyeluruh, Penciptaan Produk Berinovatif dan Perundingan Untuk Kemajuan merupakan manisfestasi kepada komitmen syarikat dalam menawarkan produk dan teknologi terkini, penyelesaian ICT berinovasi serta kepakaran professional dalam amalan industri spesifik dan kaedah bertaraf dunia.

Berpegang kepada falsafah korporat 'Peneraju Transformasi Sebenar', HeiTech berusaha untuk menjadi ejen transformasi yang efektif dalam mentransformasikan para pelanggan, baik di sektor awam mahupun komersil bagi membolehkan mereka mencapai matlamat perniagaan dan agenda korporat mereka. Testimoni HeiTech setelah lebih dari sepuluh (10) tahun menerajui industri ICT tempatan termasuklah pelaksanaan projek-projek utama bagi agensi-agensi Kerajaan Malaysia seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

HeiTech sudah jauh berubah dan berbeza daripada zaman awal penubuhannya di mana HeiTech dikenali sebagai syarikat utama yang melaksanakan projek pengkomputeran dan modenisasi sektor awam semasa era awal transformasi agensi-agensi Kerajaan. Selaras dengan landskap perniagaan yang berubah-ubah, evolusi teknologi yang semakin pantas dan kehendak pelanggan yang mencabar, HeiTech telah merangka semula strategi perniagaan sedia ada ke arah pasaran mengikut segmen baik di arena domestik mahupun antarabangsa. Bersandarkan kepada strategi perniagaan yang baharu ini, pemacuan perniagaan HeiTech sekarang berfokuskan ke arah transformasi sektor kewangan, kesihatan, pertahanan, pelajaran serta industri-industri berkaitan pengeluaran, minyak & gas dan perkhidmatan bekalan.

Tawaran nilai HeiTech kepada para pelanggannya terletak kepada kekayaan pengalaman dan kemahirannya yang telah terbukti dalam mencipta penyelesaian-penyelesaian IT yang kompleks, seni bina dan reka bentuk sistem, penyediaan penyumberan luar teknologi, perkhidmatan

rangkaian dan komunikasi yang dijana menerusi pelaksanaan projek-projek mega ICT, bagi sektor awam mahupun institusi-institusi ternama lain di Malaysia. Hari ini, HeiTech telah menempatkan dirinya dalam sektor komersil dengan kejayaan dalam melaksana dan menyelenggara projek-projek untuk bank-bank tempatan dan antarabangsa serta agensi-agensi insurans di seluruh negara.

HeiTech kini melangkah ke pasaran global bersandarkan kepada kefahaman mendalam dan pengalaman sebagai ejen transformasi ulung dalam arena IT tempatan. Projek luar negara yang mula-mula dilaksanakan oleh HeiTech termasuklah penyediaan percetakan dokumen perjalanan untuk Jabatan Imigresen dan Emigresen di Sri Lanka dan pembangunan sistem pendaftaran penduduk di Sulawesi, Indonesia. Selaras dengan keputusan syarikat untuk mengembangkan perniagaan sedia ada, HeiTech telah menjalinkan kerjasama aktif dengan sektor-sektor kerajaan mahupun komersil di pelbagai negara menerusi syarikat-syarikat pelaburan dan rakan niaga tempatan seperti PT. Inter-City Kerlipan di Indonesia dan InTech Solutions Pvt. Ltd. di Sri Lanka dan Saaed LLC di Dubai, UAE.

Pemacuan perniagaan HeiTech bersandarkan kepada kepakaran industri-spesifiknya dan pengetahuan mengenai teknologi terkini yang membolehkan HeiTech menawarkan perkhidmatan seperti penyepaduan sistem, penyelesaian boleh-ubah, pelaksanaan projek kitaran hidup berskala penuh, penyumberan luar infrastruktur ICT dan perkhidmatan terurus untuk sektor awam dan komersil. Fokus HeiTech termasuklah Asia Tenggara, Asia Barat, Eropah, Konfederasi Ekonomi Negara-Negara Afrika Barat ("ECOWAS") dan Negara-Negara Komanwel Merdeka Bekas Soviet Union ("CIS").

BAB 2

LATAR BELAKANG ORGANISASI

2.0 Visi Dan Misi

Visi

Untuk menjadi sebuah syarikat transformasi berasaskan teknologi di Malaysia dan merentasi sempadan

Misi

Kami **PENERAJU PERUBAHAN** sebenar dalam

1. Menyediakan Penyelesaian Secara Menyeluruh
2. Mencipta Produk Berinovatif
3. Perundingan Untuk Kemajuan

2.1 Struktur Kumpulan

HeiTech telah melaksanakan aktiviti pengkorporatan dalaman di mana ianya merangkumkan perniagaan-perniagaannya ke dalam pasaran produk serta perkhidmatan khusus. Pada 28 Ogos 2008, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan resolusi bagi melaksanakan pengkorporatan tersebut. Rasional utama di sebalik aktiviti ini ialah untuk memperkukuhkan lagi keupayaan perundingan Syarikat menerusi:

1. Pengembangan dan pengkhususan produk dan perkhidmatan
2. Membolehkan transformasi perniagaan menerusi teknologi.

Syarikat telah distruktur semula bersesuaian dengan transformasi perniagaannya. Tiga (3) Anak Syarikat milik penuh ("OCs") telah diaktifkan. Pertama, HeiTech e*Business Solutions Sdn. Bhd. ("HBS"), kedua, HeiTech Managed Services Sdn. Bhd. ("HBS") dan ketiga, HeiTech i-Solutions Sdn. Bhd. ("HIS").

Fokus perniagaan HBS adalah dalam Penyepaduan Sistem yang mengkhususkan kepada pasaran sektor awam dan juga pembangunan produk-produk "middleware" yang berasaskan kepada platform khusus yang menghubungkan sistem legasi kepada fungsi perkhidmatan web. HMS pula memfokuskan perniagaannya kepada tawaran perkhidmatan terus menerusi Penyelesaian Infrastruktur ICT. Sementara itu, HiS pula memfokuskan pada penyelesaian perbankan utama yang dirangkumkan di bawah Kumpulan Perniagaan Strategik HeiTech ("HSBG"). Syarikat-syarikat di bawah HSBG menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan berasaskan ICT dan bukan ICT untuk pasaran komersil, tempatan dan antarabangsa.

2.2 Lembaga Pengarah



Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib
Pengerusi Eksekutif



Tan Sri Dato' Mohd Zuki bin Kamaluddin
Naib Pengerusi / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Ab. Halim bin Mohyiddin
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Haji Safiee bin Haji Mohammad
Presiden / Pengarah Eksekutif



Syed Agel bin Syed Salim
Pengarah Bukan Eksekutif



Dato' Wan Jaafar @ Wan Mohd bin Abdullah
Pengarah Bukan Eksekutif



Haji Ghazali bin Awang
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Mohd Fadzli bin Yusof
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Khaeruddin bin Sudharmin (LS 0007037)
Setiausaha-Setiausaha Syarikat



Noriswadi bin Haji Ismail (LS 0008892)
Setiausaha-Setiausaha Syarikat

2.3 Kumpulan Pengurusan

- I. Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib - Pengerusi Eksekutif
- II. Haji Safiee bin Haji Mohammad - Presiden, HeiTech Padu Berhad / Ketua Pegawai Eksekutif, HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd.
- III. Wan Zaidi bin Wan Jaafar - Naib Presiden Kanan, HeiTech Padu Berhad / Ketua Pegawai Operasi, HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd.
- IV. Harris bin Ismail - Naib Presiden Kanan, Perancangan Korporat Kumpulan / Pengarah Urusan, Perniagaan Strategik Kumpulan
- V. Abdul Halim bin Md Lassim - Ketua Pegawai Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Kewangan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif, HeiTech Managed Services Sdn. Bhd.
- VI. Ahmad bin Abdul Ghani - Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat Kumpulan

- VII. Noriswadi bin Haji Ismail - Naib Presiden, Kaunsel Am Kumpulan / Setiausaha Syarikat
- VIII. Ahmad Nasrul Hakim bin Mohd Zaini - Naib Presiden / Ketua Bahagian Kewangan

2.4 Syarikat-Syarikat Kumpulan Heitech

Syarikat-syarikat Kumpulan HeiTech menawarkan spektrum meluas dalam penyelesaian ICT bagi industri spesifik bernilai-tambah serta membantu para pelanggan untuk menjadi kos efektif selain meningkatkan produktiviti dan keuntungan mereka.

*2.4.1 HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd (Dahulunya dikenali sebagai HT Soft Technologies Sdn. Bhd.)*

HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd. ("HBS") merupakan salah satu daripada kumpulan perniagaan HeiTech Padu Berhad yang bermatlamatkan kepada penghasilan nilai untuk sektor awam menerusi penyediaan penyelesaian e-Kerajaan dan perkhidmatan penyepaduan sistem. Selari dengan sokongan kepada prinsip "Transformasi & Inovatif" penyelesaian ICT, HBS bergerak ke arah memainkan peranan strategik dalam menyokong Kerajaan merealisasikan aspirasinya untuk menjadi organisasi yang berorientasikan pelanggan dengan menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan bersepadu sebenar kepada perniagaan dan masyarakat. Hubungan kerjasama selama lebih dua dekad dengan Kerajaan juga turut memberi kesan kepada kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap komitmen HBS, yang dijana sepanjang penglibatan kami dalam melaksanakan projek-projek pengkomputeran awal Kerajaan serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan-Elektronik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, produktiviti serta berkos-efektif.

Perkhidmatan Teras

- Pengurusan Projek
- Penyepaduan Sistem
- Kejuruteraan Perisian

Perkhidmatan Tambah Nilai

- Pengurusan Perubahan
- Perancangan Teknologi Sistem
- Perundingan ICT dan Perniagaan
- Perkhidmatan Aplikasi Terurus
- Pembangunan Portal Terurus
- Pembangunan Portal Perkhidmatan Perniagaan
- Proses Kejuruteraan Semula Perniagaan

Sistem Penyelesaian HBS

- Sistem Pengurusan Pengenalpastian Warganegara dan Populasi
- Sistem Integrasi Imigresen
- Sistem Pasport
- Sistem POS
- Sistem Unit Saham Amanah
- Sistem Haji
- Sistem Pencen Kerajaan
- Sistem Penyelesaian berasaskan RFID (Identifikasi Frekuensi Radio) - Pengurusan Penjejakan Aset, Pengurusan Perpustakaan, Pengurusan Pemeriksaan dan Pengawasan, Pengurusan Tempat Letak Kereta dan Pengurusan Pelawat

*2.4.2 Integrated Healthcare Solutions Sdn. Bhd. (Anak syarikat milik penuh HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd.)*

Integrated Healthcare Solutions Sdn. Bhd. ("IHS") memberi fokus kepada pasaran penjagaan kesihatan. Menggabungkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang IT berserta input berguna yang diperoleh daripada pengamal-pengamal perubatan, HeiTech telah membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Hospital Bersepadu ("IHMS") yang memberi fokus ke arah penyediaan sistem penjagaan kesihatan terbaik. Model aplikasinya ialah Sistem Pengurusan Pesakit, sistem bukan-klinikal yang dibangunkan untuk hospital kerajaan.

*2.4.3 Padusoft Sdn. Bhd. (Anak syarikat milik penuh HeiTech e*Business Solution Sdn. Bhd.)*

Padusoft Sdn. Bhd., merupakan sebuah syarikat berorientasikan produk yang berfokuskan kepada rekaan dan pembangunan rangkaian produk dan penyelesaian menyeluruh bagi memenuhi keperluan para pelanggan secara total. Keampuhan Padusoft termasuklah dari segi penyediaan perkhidmatan penyepaduan penyelesaian dan perundingan yang bersandarkan kepada produk Padusoft sendiri iaitu Hybrid Client, RFID Middleware, Device Service Server dan e-Connect.

2.4.4 HeiTech Managed Services Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai PaduNet Sdn. Bhd.)

HMS menjana kekuatannya menerusi penyelesaianpenyelesaian infrastruktur ICT bersepadu dan inovatif yang bersandarkan kepada teknologi yang diyakini dan terjamin, berkos efektif dan

berorientasikan pelanggan yang dijana melalui amalan-amalan terbaik global.

Perkhidmatan Pusat Data Terurus (i-sentrix)

Tawaran yang diberikan termasuk:

- Perkhidmatan Pengurusan Pusat Data Terurus
- Perkhidmatan Pusat Data Internet
- Perkhidmatan Pengurusan dan Pembangunan Infrastruktur

*Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Terurus (Padu*Net)*

Tawaran yang diberikan termasuk:

- VPN / MPLS / Frame Relay Terurus
- IP VPN / Jalur Lebar IP Terurus
- Metro Ethernet / Optik Terurus (DWDM)

*Perkhidmatan Pengurusan Desktop (Padu*DMS)*

Tawaran yang diberikan termasuk:

- Perkhidmatan Rangkaian Kawasan Setempat ("LAN")
- Perkhidmatan Desktop
- Perkhidmatan Keselamatan Terurus
- Kolaborasi & Komunikasi Bersepadu ("Padu*Mobile")
- Perkhidmatan Diagnostik Infrastruktur

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Tawaran yang diberikan termasuk:

- Perkhidmatan Pengurusan Pemulihan Perniagaan
- Perundingan
- Penggantian Infrastruktur

*Khidmat Pelanggan / Perkhidmatan Bantuan (Padu*Care)*

Tawaran yang diberikan termasuk:

- Pengurusan Kemalangan / Masalah

- Perkhidmatan Kejuruteraan Lapangan
- Perkhidmatan Pemantauan Proaktif
- Perkhidmatan Pengurusan Laporan & Tahap Perkhidmatan

*Perkhidmatan Penyeliaan (Padu*Pro)*

Tawaran yang diberikan termasuk:

- Perkhidmatan Penyeliaan Seluruh Negara
- Perkhidmatan Sokongan & Penyelenggaraan Seluruh Negara

2.4.5 Megacenter Sdn. Bhd. (Anak syarikat HeiTech Managed Services Sdn. Bhd.)

Megacenter Sdn. Bhd. (Megacenter) menyediakan Perkhidmatan Pusat Data Terurus yang memberi fokus kepada pasaran antarabangsa dan syarikat-syarikat berstatus MSC. Tawarannya termasuklah perkhidmatan pengurusan pusat data, perkhidmatan pengurusan pemulihan perniagaan, perkhidmatan pembangunan dan pengurusan infrastruktur serta perkhidmatan pusat data internet. Kesemua perkhidmatan ini ditempatkan khusus di Pusat Data dan Pemulihan Perniagaan HeiTech (HTV2) bertaraf dunia yang memenuhi piawaian Tier IV.

2.4.6 InTech Solutions Pvt. Ltd.

InTech Solutions Pvt. Ltd. adalah syarikat usaha sama antara HeiTech Managed Services Sdn. Bhd. dan Epic Lanka Pvt. Ltd. Aktiviti utama perniagaannya ialah untuk menguruskan Pusat Pemulihan Bencana di Sri Lanka.

2.4.7 Inter-City MPC (M) Sdn. Bhd.

Mempunyai kepakaran dalam penyediaan perkhidmatan Penyumberan Luar Proses Perniagaan "BPO" yang merangkumi perkhidmatan Pemprosesan Data & Dokumen ("DDP") dan

perkhidmatan Sistem Pengurusan Rekod ("RMS"). Keupayaan utama perniagaan kami meliputi penyelenggaraan keselamatan dan jaminan kawal selia percetakan, kepelbagaian data dan komposisi dokumentasi, percetakan untuk pengeposan serta pengendalian rekod fizikal, pusat penyimpanan, pengimejan, perolehan kembali dan carian maklumat pelanggan. Perkhidmatan kami juga mampu menawarkan sistem integrasi elektronik yang komprehensif bagi pemantauan dokumentasi secara menyeluruh.

2.4.8 HeiTech i-Solutions Sdn. Bhd. (Dahulunya dikenali sebagai Software Alliance (Malaysia) Sdn. Bhd.)

HeiTech i-Solutions Sdn. Bhd. ("HiS"), fokus kepada Industri Perkhidmatan Kewangan ("IPK") dan sektor komersil. HiS berusaha untuk menjadi terkenal dalam membangunkan sistem kewangan yang ampuh, berdaya saing dan dinamik.

Penawaran Penyelesaian

- Penyelesaian Perbankan Berteraskan Islam dan Konvensional
- Penyelesaian Permulaan Pinjaman
- Penyelesaian Kutipan dan Pemulihan
- Penyelesaian Jaringan Kredit
- Penyelesaian Penggubahan Wang Haram
- Penyelesaian e-Perbankan
- Penyelesaian Pengurusan Risiko

2.4.9 PT. Inter-City Kerlipan

PT. Inter-City Kerlipan, anak syarikat HeiTech di Indonesia komited dalam menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan IT yang berkualiti. Kekuatan kami adalah dalam penyediaan Pemprosesan Data & Dokumen ("DDP") dan perkhidmatan penyumberan luar IT. Perkhidmatan DDP merangkumi pemprosesan pos secara manual, menguruskan surat-surat yang dikembalikan dan penghantaran bil

secara elektronik. Kami juga menyediakan perkhidmatan penyumberan luar IT termasuklah penyepaduan sistem untuk perkhidmatan berkaitan infrastruktur IT, perkhidmatan lapangan terurus dan lain-lain.

2.4.10 Vantage Point Consulting Sdn. Bhd.

Vantage Point Consulting (Vantage) ialah penyedia perundingan Perniagaan dan IT disegani yang memberi fokus dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi memperkukuhkan kelebihan persaingan anda selaras dengan misinya untuk memberi nilai ke dalam komuniti perniagaan menerusi kepelbagaian jenis para pelanggannya.

2.4.11 Motordata Research Consortium Sdn. Bhd.

Pemegang konsesi tunggal yang dilantik oleh industri Insurans Am Malaysia, diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia. Membina dan mengurus pangkalan data berpusat bagi harga alat ganti dan waktu baikpulih kenderaan bermotor bagi mewujudkan tahap piawaian di dalam industri taksiran dan penyelenggaraan automotif.

2.4.12 Electronic Media Airtime Services Sdn. Bhd.

Menyediakan program-program tempatan dan antarabangsa yang berkualiti tinggi khususnya untuk Radio Televisyen Malaysia ("RTM") bagi memenuhi cabaran persekitaran penyiaran digital yang semakin berkembang dan selera penonton yang berubah-ubah. Menghasilkan program tempatan khusus untuk kanak-kanak, remaja, siri drama melayu dan program yang berkisar tentang kehidupan.

2.4.13 Educational Trend Sdn. Bhd.

Educational Trend Sdn. Bhd. ("EduTrend") menawarkan perisian pembelajaran untuk Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dan sistem e-pembelajaran termasuklah "Learning Management

System" dan "Knowledge Management System". EduTrend juga menawarkan khidmat pembangunan kandungan multimedia, khidmat latihan (termasuklah pembangunan profesional dan latihan berasaskan komputer), khidmat pengurusan perubahan, khidmat teknikal, khidmat bantuan (termasuk "helpdesk") dan khidmat pengurusan projek.

2.4.14 Elitedge Communications Sdn. Bhd.

Memperoleh, membekal dan menyelenggara peralatan berasaskan teknikal dan saintifik untuk sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

2.4.15 Fask Capital Sdn. Bhd. (Dulunya dikenali sebagai The Royal Mint Exchange Sdn. Bhd.)

Menyediakan perkhidmatan berasaskan kewangan melalui ejen dan francais.

2.4.16 MSCL Holdings Sdn. Bhd.

MSCL menyediakan syarikat pegangan strategik untuk beberapa usahasama perniagaan HeiTech di luar negara. Anak-anak syarikat dan rakan niaga MSCL menjalankan perniagaan-perniagaan di UK, Australia, Denmark dan Asia Barat. Berfokuskan pada prosedur amalan terbaik industri menerusi pembangunan perisian, syarikat-syarikat bersekutu MSCL memenuhi piawaian perniagaan dan produk antarabangsa dengan pembangunan tempatan dan kepakaran dalam industri.

2.4.17 e-Komoditi Sdn. Bhd.

Menyediakan kemudahan platform e-dagang melalui sistem "eTradeXchange" serta menawarkan perkhidmatan perolehan dan "Business to Business" "B2B" secara talian terus dan perkhidmatan e-

pembekal melalui Sistem Integrasi, Perkhidmatan Penyelenggaraan Katalog dan Perkhidmatan Komuniti.

2.4.18 Tricubes Berhad

Syarikat ini terlibat terutamanya dalam penyediaan penyelesaian IT selamat yang tertumpu pada penggunaan teknologi terkini bagi kad pintar dan biometriks. Selain itu, Syarikat ini turut menyediakan perkhidmatan nilai tambah lain seperti perundingan IT dan perniagaan, pembangunan aplikasi perisian dan reka bentuk serta kejuruteraan produk. Misi Syarikat ialah untuk menjadi peneraju penyedia penyelesaian aplikasi selamat yang memenuhi bukan sahaja pasaran tempatan tetapi juga antarabangsa.

2.5 Pengiktirafan

1. Anugerah Kecemerlangan Industri (Produk Industri & Teknologi) pada Anugerah Laporan Tahunan Korporat Peringkat Kebangsaan ("NACRA") (2008)
2. Anugerah Perak Malaysian Institute of Management (MIM) 2008
3. Anugerah Telekomunikasi Frost & Sullivan Malaysia (2007)
4. Penerima Anugerah Khas Dell
5. Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2005 (sejak 2006)
6. Anugerah Usaha ERP Terbaik (2005)
7. Anugerah 3 Bintang Kumpulan Kawalan Kualiti Kebangsaan (2003)
8. Anugerah Gerai Pameran Terbaik Minggu Saham Amanah (2002)
9. Anugerah Gerai Pameran Terbaik Minggu during the IBM User Group Conference 2001, organized by IBM.
10. Anugerah "Enterprise 50" (2000)
11. Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 (sejak 1998)
12. Pensijilan Capability Maturity Model Integration (CMMI) Peringkat 3 (sejak 2006)

13. Microsoft Gold Certified Partner 2006
14. IBM Best Software Integration Award 2005
15. IBM Platinum Club Award 2004
16. IBM Strategic Win Award 2004 Public Sector
17. IBM Bronze Award for Highest Sales Achiever 2004

2.6 Pencapaian

a. Sistem Penjagaan Kesihatan Bersepadu

Ke Arah Penjanaan Bangsa Yang Sihat Bersandarkan kepada pengalaman luas kami dalam menguruskan projek-projek IT yang pelbagai berserta dengan input berguna daripada pengamal-pengamal perubatan, HeiTech telah membangunkan suatu Sistem Pengurusan Maklumat Hospital Bersepadu ("IHMS") yang memberi fokus ke arah penyediaan sistem penjagaan kesihatan terbaik.

IHMS ini dibangunkan berdasarkan kepada kefahaman mendalam terhadap industri perubatan dan penjagaan kesihatan yang sensitif dan kompleks. Oleh kerana itu, sistem ini amat bersesuaian dengan operasi harian mana-mana institusi perubatan dan penjagaan kesihatan tanpa mengira saiz, lokasi dan keperluan spesifik. Model aplikasi kami ialah Sistem Pengurusan Pesakit ("SPP"), suatu sistem bukan-klinikal yang dibangunkan untuk hospital kerajaan. Tujuan SPP ialah untuk mempertingkatkan proses urusan kerja dan perkhidmatan hospital.

b. Maybank Berhad: Projek Metro-E

Projek Metro-E MAYBANK ialah projek pertama dan terbesar yang dianugerahkan kepada HeiTech. Projek ini mempunyai Perjanjian Tahap Perkhidmatan ("SLA") lebih tinggi berbanding projek-projek kami yang lain. Berdasarkan kepada